



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL
CENTRE FOR SHAPING ADVANCED AND PROFESSIONAL EDUCATION

Rujukan : UKM.KPD.BPA.600-6/2/2
Tarikh : 10 September 2025

Semua Pelajar Berdaftar
Semester 3 Sesi Akademik 2024-2025

Saudara/i,

**HEBAHAN KAD MASUK DAN JADUAL PEPERIKSAAN (KMJP)
SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2024/2025**

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa peperiksaan akhir bagi Program Eksekutif (kecuali FTSM) dan Berterusan Jarak Jauh (PBJJ) Semester 3 Sesi Akademik 2024/2025 akan diadakan pada **27 dan 28 September 2025**.

Sehubungan itu, Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) boleh dicetak di SMPE (<https://smplucee.ukm.my/smpe>) mulai **15 September 2025**. KMJP hendaklah dibawa bersama semasa menduduki peperiksaan. Pelajar yang gagal menunjukkan KMJP tidak akan dibenarkan menduduki peperiksaan.

Pelajar yang masih mempunyai yuran tertunggak dikehendaki menyelesaikan yuran pengajian sebelum peperiksaan akhir semester ini. Sila berhubung dengan Bahagian Kewangan UKMShape untuk maklumat lanjut mengenai status yuran pengajian saudara/i.

Saudara/i juga diingatkan agar mematuhi peraturan peperiksaan di sepanjang tempoh peperiksaan. Sebarang nota (digital/fizikal) kecuali dengan kebenaran dan telefon bimbit adalah **DILARANG** untuk dibawa ke dalam dewan peperiksaan. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya saudara/i melanggar peraturan peperiksaan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

OOI CHUAH JAU
Penolong Pendaftar
Unit Peperiksaan dan Pengijazahan



Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89272111 E-mel: uppshape@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ukmshape

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my